

171

Community: Volume 3, Nomor 2, Oktober 2017

ISSN: 2477-5746

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS PENGAJIAN MALAYSIA: KAJIAN TINJAUAN DI UNIVERSITI ISLAM ANTARA BANGSA SELANGOR

¹Hairol Anuar Hj Mak Din, ²Khairul Hamimah Mohd Jodi, ³Faridah Che Hussain

ABSTRACT

The Malaysia Education Blueprint 2015-2025 clearly shows the aspirations of the Higher Education Ministry on the importance of applying national identity among graduates at Higher Education Institutions. In line with the wishes, the course of Malaysia Studies is a major medium for the building of patriotism values among students. Hence, the Malaysian Studies Course was strengthened and used as one of the General Subjects (MPUs) conducted by all Institutions of Higher Learning. All citizens and non-citizens are required to attend and pass the Malaysian Studies Course as a graduation requirement. In order to make the course more interesting and interactive, the Teaching And Learning method is always improved to achieve the predetermined learning outcomes. Thus, a study using a quantitative approach has been undertaken to identify students' responses to the implementation of the Malaysian School of Excellence in KUIS. The Teaching And Learning implementation assessment for this course is based on scoring components, teaching staff and teaching aids. The findings show that Teaching And Learning implemented in Malaysian Studies courses is relevant and capable of applying the elements of identity and patriotism among students.

Keywords: *Teaching And Learning, General Studies subjects, Malaysian Studies Course*

¹ PhD Peradaban Islam (Politik dan Kepimpinan) UKM, Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Email: hairolanuar@kuis.edu.my

² PhD Pengajian Islam (Akidah dan Pemikiran Islam) UM, Institut for Academic Excellence, Open University Malaysia, Email: khairul_hamimah@oum.edu.my

³ M Sains Sosial (Tamadun) UM, Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri, UM, Email: faridah.ch@gmail.com

1. PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperkenalkan komponen kursus Mata pelajaran Pengajian Umum yang perlu dilaksanakan di semua Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Kandungan MPU adalah berlandaskan intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan merangkumi cabang ilmu yang melibatkan bidang kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial.

Berdasarkan aspirasi ini, pelaksanaan Mata pelajaran Pengajian Umum sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2016 telah membuat ketetapan bahawa komponen Mata pelajaran Pengajian Umum dibahagikan kepada empat kelompok utama, yaitu:

- U1 : Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah;
- U2 : Penguasaan kemahiran insaniah;
- U3 : Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia;
- U4 : Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

Pembahagian kelompok Mata pelajaran Pengajian Umum ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2016). Pelan ini adalah selaras dengan perancangan akademik yang mengusulkan agar dasar-dasar berikut dipraktikkan:

1. Graduan perlu didedahkan dengan kepakaran ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran global, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika.
2. Justeru itu, Kementerian ini amat mementingkan penerapan nilai moral, jati diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia.
3. Graduan juga diharapkan dapat membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme. Semua ini akan menyumbang secara aktif kepada masyarakat Malaysia dan arena global.

Justeru, Mata pelajaran Pengajian Umum yang diperkenalkan ini adalah sesuai dengan inspirasi kebangsaan bagi meningkatkan modal insan sejajar dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

2. TINJAUAN PUSTAKA

Kursus Pengajian Malaysia dikelompokkan dalam kelompok U1 bermatlamatkan untuk melahirkan graduan yang mempunyai identiti kebangsaan dan membentuk semangat patriotisme yang unggul. Pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah melalui kuliah, tugas peperiksaan dan pengalaman pembelajaran. Namun demikian intipati kursus ini kelihatan seolah-olah banyak persamaan dengan mata pelajaran Sejarah yang diajar pada peringkat Sekolah Menengah.

Berkesinambungan itu, penemuan kajian lepas mendapati isu pelajar yang menganggap mata pelajaran Sejarah adalah begitu membosankan, kaku dan tiada nilai komersial. Hal ini telah menjadi satu kebimbangan kepada umum. Tambahan pula apabila Kementerian Pelajaran Malaysia semenjak tahun 2014 telah menetapkan bahwa mata pelajaran ini berada dalam komponen wajib lulus dalam peperiksaan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Makanya hubungan antara kemahiran mengajar guru Sejarah dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah adalah signifikan (Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman, Nur Atiqah T. Abdullah, 2009).

Oleh kerana itu kegagalan para pelajar menjiwai mata pelajaran Sejarah bukan sahaja bakal menjejaskan keputusan mereka dalam Sijil Pelajaran Malaysia tetapi turut menjadi halangan kepada proses pembinaan semangat patriotisme dalam pembinaan negara bangsa pada masa hadapan.

Senario ini akan memberi kesan terhadap krisis identiti dalam kalangan pelajar sepertimana yang terjadi pada kebanyakan negara di seluruh dunia apabila rakyat mulai tidak mempunyai jati diri, serta peranan dan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara. Hal ini berkait rapat dengan cabaran dunia tanpa sempadan yang semakin hebat dan memukau sehinggakan generasi muda begitu mudah terpedaya kepada sebarang bentuk perubahan dan keterbukaan yang boleh melunturkan kesetiaan dan jati diri mereka terhadap negara dan bangsa.

Oleh yang demikian, subjek Sejarah dilihat berupaya untuk menjadi medium bagi menangani permasalahan jati diri dan memperkasakan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Sebagai bukti, negara-negara Asia seperti Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan, China dan Singapura telah melakukan transformasi pendidikan melalui pemerksaan subjek Sejarah agar kelihatan lebih progresif dan dinamik. Justeru, Malaysia tidak ketinggalan untuk menerapkan aspek kemahiran pemikiran sejarah sebagai satu komponen utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran di peringkat sekolah (Sinar Harian, 2014).

Justeru, kelangsungan subjek sejarah harus diteruskan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi melalui subjek Mata pelajaran Pengajian Umum seperti kursus Pengajian Malaysia, Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Islam dan sebagainya. Kesemua kursus ini, khususnya Pengajian Malaysia mampu membina kekuatan jati diri yang unggul dalam kalangan generasi muda dan seterusnya melahirkan warganegara yang mempunyai identiti nasional.

Perlaksanaan Kursus Pengajian Malaysia di KUIS

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik penuh Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 (Akta 555). Penubuhannya secara rasmi pada 15 Februari 1995 adalah bukti terhadap komitmen Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor dalam membangunkan agenda pendidikan dan kecemerlangan ilmu di negara ini.

Manakala Pusat Pengajian Teras ditubuhkan pada tahun 2013 sebagai salah satu cabang institusi kecemerlangan ilmu yang dibangunkan dengan aspirasi memangkin kesepaduan ilmu dalam melakar dan memperkukuhkan jenama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor di persada global. Pusat Pengajian Teras merupakan pusat pengajian yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan mata pelajaran wajib yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan kursus wajib universiti.

Sejajar dengan Surat Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 22 Julai 2013 (No Rujukan: JPT/GS1000-606Jld.1(30)) tentang Pekeliling Penyelarasan Kursus Mata Pelajaran Wajib di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, pihak Pusat Pengajian Teras telah merangka senarai subjek Mata pelajaran Pengajian Umum untuk dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kesemua subjek Mata pelajaran Pengajian Umum yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah memenuhi keperluan kualiti yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia sebagaimana yang tercatat dalam Surat kelulusan kursus Mata pelajaran Pengajian Umum daripada Agensi Kelayakan Malaysia bertarikh 13 Februari 2015.

Oleh hal yang demikian, Kursus Pengajian Malaysia telah ditawarkan pada peringkat Diploma sebagai medium utama dalam pembinaan Negara Bangsa melalui kerangka Pengukuhan dan Perluasan Pengetahuan di Malaysia. Kursus ini diharapkan dapat menghasilkan para pelajar yang mempunyai

pengetahuan mengenai warisan dan sejarah negara serta memperlihatkan nilai-nilai murni apabila interaksi dengan masyarakat.

Buku Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (Kementerian Pengajian Tinggi, 2016) telah menggariskan beberapa elemen utama penawaran Kursus Pengajian Malaysia yang meliputi perkara berikut:

1. Sejarah dan Politik (Latar Belakang Sejarah Negara; Kemerdekaan; dan Pembentukan Malaysia)
2. Perlembagaan Malaysia (Keluhuran Perlembagaan; dan Peruntukan Utama Perlembagaan Malaysia)
3. Sistem dan Struktur Pentadbiran Negara (Federalisme; Demokrasi Berparlimen di Malaysia; dan Komponen Utama Kerajaan)
4. Kemasyarakatan dan Perpaduan (Komposisi Etnik Penduduk Malaysia; Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional; dan Rukun Negara sebagai Ideologi)
5. Pembangunan Negara (Rancangan Pembangunan; Dasar Ekonomi; Dasar Sosial; dan Dasar Luar)
6. Agama dan Kepercayaan di Malaysia (Agama dan Kepercayaan; Islam dalam Perlembagaan Malaysia; dan Islam dan Masyarakat)

Hasil Pembelajaran Kursus Pengajian Malaysia di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ini adalah untuk melahirkan pelajar yang berupaya:

Menghurai dan membahaskan kepelbagaian dalam masyarakat.

1. Mengulas kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme.
2. Membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.

3. METODE PENELITIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti respon pelajar terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran kursus Pengajian Malaysia di Kolej Universiti Islam Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk meninjau respon pelajar terhadap Pengajaran dan Pembelajaran kursus Pengajian Malaysia pada Semester September 2016. Sebanyak 35 borang soal selidik mewakili 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar telah diedarkan bagi tujuan penyelidikan ini.

Soal selidik telah dirangka kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian A: Pengujian dan Penilaian; Bahagian B: Pengajaran; dan Bahagian C: Bahan Bantu

Mengajar. Soal selidik juga menggunakan Skala Likert lima mata iaitu Skala 1: Sangat Tidak Bersetuju, Skala 2: Tidak Bersetuju, Skala 3: Kurang Pasti, Skala 4: Bersetuju dan Skala 5: Sangat Bersetuju.

4. TEMUAN DAN PEMBAHASAN

Penilaian responden terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pengajian Malaysia ini ini dibuat dalam tiga aspek penilaian iaitu: 1. Pengujian dan Penilaian, 2. Penilaian Pengajaran, dan 3. Penggunaan Alat Bantu.

Ketiga-tiga aspek ini merupakan komponen asas dan menjadi elemen penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pengajian Malaysia ini berjalan dengan efektif. Ini selari dengan kajian Anuar Ahmad et al (2009) yang mendapati bahawa aspek Kemahiran Mengajar Guru (KMG) telah menyumbang kepada pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah berbanding aspek lain. Selain daripada kemahiran guru dalam mata pelajaran yang diajar, teknik pengajaran, bahan bantu mengajar, perhatian guru terhadap kerja murid, kebolehan dan teknik mengajar guru turut menyumbang kepada keberkesanan kefahaman pelajar terhadap subjek yang dipelajari.

Item bagi Pengujian dan Penilaian menunjukkan purata dapatan min yang tinggi iaitu 4.73. Terdapat dua item yang diuji iaitu kaedah penilaian kursus yang digunakan oleh tenaga pengajar dan pemarkahan yang diberikan kepada pelajar. Kaedah penilaian kursus yang digunakan oleh tenaga pengajar adalah meliputi tugas, ujian, amali, peperiksaan akhir, latihan kuiz dan sebagainya. Majoriti pelajar sangat bersetuju dengan kepelbagaian kaedah penilaian kursus yang digunakan berdasarkan purata min 4.74. Bagi item pemarkahan yang diberikan kepada pelajar, sebahagian besar pelajar bersetuju dengan purata min 4.71. Pemarkahan yang diperolehi oleh pelajar membuktikan kefahaman mereka terhadap kursus yang diajar. Elemen penaksiran dan penilaian adalah penting bagi memastikan para pelajar memahami apa yang mereka pelajari dalam kursus Pengajian Malaysia (Ana Hafizan Daud, 2012).

Item bagi Penilaian Pengajaran pula menunjukkan purata dapatan min yang tinggi 4.78. Terdapat lapan item yang dinilai iaitu 1) Perancangan dan penyediaan kursus, 2) Pengetahuan pengajar, 3) Kemahiran dan penyampaian kursus oleh pengajar, 4) Penggunaan contoh-contoh terkini, 5) Tenaga pengajar yang kreatif dalam menarik minat pelajar, 6) Interaksi antara pelajar dan pengajar, 7) Ketepatan waktu, 8) Penampilan dan sahsiah pengajar.

Item bagi pengetahuan pengajar terhadap kursus yang diajar dan item penampilan serta sahsiah pengajar mendapat nilai min yang tinggi iaitu 4.83. Ini menunjukkan pelajar sangat mengambil berat mengenai pengajar yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar kursus yang dipilih oleh pelajar. Kajian Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah (2015) mendapati pengetahuan pengajar memainkan peranan penting dalam mengubah sikap dan tingkah laku pelajar ke arah yang positif. Pengetahuan pengajar yang mendalam dalam kursus Pengajian Malaysia membantu meningkatkan kefahaman pelajar serta memupuk semangat patriotisme dalam diri mereka. Secara tidak langsung pengajaran kursus ini telah berjaya mencapai hasil pembelajaran kursus yang kedua.

Manakala item kemahiran dan penyampaian kursus oleh pengajar dan item tenaga pengajar yang kreatif dalam menarik minat pelajar mendapat nilai min yang tinggi iaitu 4.80. Ini membuktikan bahawa kursus ini berjaya menarik minat pelajar untuk mengikuti silibus kursus ini yang umumnya bercirikan sejarah. Menurut Ishak (2009) kemahiran yang dimiliki oleh pengajar membawa keberkesanan dalam pengajaran dan membantu proses pembelajaran. Selain itu, penggunaan pendekatan yang sesuai juga membantu meningkatkan kefahaman dalam proses pembelajaran. Pengajar yang kreatif dan berinovasi dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran berupaya meningkatkan motivasi pelajar untuk terus mendalami kursus yang diikuti. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Kamarul Azmi Jasmi, *et.al* (2011).

Dapatan item penggunaan bahan bantu mengajar mendapat purata nilai min 4.69. Terdapat dua item yang dinilai iaitu item penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dan item penggunaan bahan pengajaran yang mencukupi. Sebahagian besar pelajar sangat bersetuju dengan kemudahan dan penyediaan Pengajaran dan Pembelajaran yang disediakan oleh pengajar dalam kursus ini. Penyediaan Pengajaran dan Pembelajaran yang sempurna dan bersesuaian dengan kursus yang diajar memudahkan pelajar menerima dan memahami kandungan pelajaran yang disampaikan oleh pengajar. Hal ini bersesuaian dengan kajian Teo Anak Juin (2006) yang mendapati Pengajaran dan Pembelajaran telah memberi kesan kepada kefahaman pelajar khususnya dalam kaedah pengajaran.

5. KESIMPULAN

Dapatan keseluruhan kajian mengenai pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran kursus Pengajian Malaysia di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor menunjukkan keselarian dengan kajian Zarina

Muhammad et al (2010) yang mendapati bahawa kursus-kursus umum telah memberi impak positif dalam membentuk kemahiran, sikap dan pengetahuan dalam kalangan pelajar di Universiti Swasta dan Universiti Awam. Kajian ini menunjukkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam kursus Pengajian Malaysia memberi sumbangan yang signifikan terhadap penerimaan dan pemahaman pelajar terhadap kursus tersebut (Zarina Muhammad, Jayum Jawan, Zaid Ahmad & Normala Othman, 2010).

Selain itu, keadah penilaian dan pemarkahan, pengajar yang berpengetahuan, kreatif, inovatif, memiliki sahsiah yang tinggi serta penggunaan bahan bantu mengajar memberi kesan terhadap pelaksanaan kursus Pengajian Malaysia di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

6. DAFTAR PUSTAKA

a. Buku

Kementerian Pengajian Tinggi. (2016). *Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sinar harian. (2014, July Sunday). *www.sinarharian.com.my*. Retrieved from [www.sinarharian.com.my: http://www.sinarharian.com.my/rencana/mata-pelajaran-sejarah-membosankan-sampai-bila-1.247030](http://www.sinarharian.com.my/rencana/mata-pelajaran-sejarah-membosankan-sampai-bila-1.247030).

b. Jurnal Penelitian/Skripsi/Tesis

Ana Hafizan Daud. (2012). *Pelaksanaan penilaian bilik darjah dalam kalangan guru Pendidikan Islam daerah Johor Bahru Fakulti Pendidikan*. Masters Thesis: Universiti Teknologi Malaysia.

Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman, Nur Atiqah T. Abdullah,. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 53 – 66.

Ishak Bin Baba. (2009). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Uthm, *Geran Jangka Pendek*, No. Vot: 0486, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Mohd Hamzah,. (Sept. 2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan, . *Jurnal Teknologi Vol 56* , 179-198.

Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah. (2015). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran, *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 30, 73–88.

Teo Anak Juin. (2006). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Perbandingan Konsep Dalam Pembelajaran Konsep Sejarah Bagi Pelajar Aliran Sains Dan Aliran Sastera*, Tesis Ijazah Sarjana Sains Kognitif,. Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia: Universiti Malaysia Sarawak.

Zarina Muhammad, Jayum Jawan, Zaid Ahmad & Normala Othman,. (2010). Kesan Penawaran Kursus Umum Universiti ke atas Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 73-89.